

# Potensi ternakan ikan susu

S4 10/1/2020 m/s 18



Salahuddin (dua dari kanan) menunjukkan hasil ikan susu yang diambil dari kolam pada Majlis Pelancaran dan Promosi Ikan Susu Malaysia di Ladang Ternakan Usaha Fadzilat di Kuala Muda semalam.

**SUNGAI PETANI** - Industri ternakan ikan susu mempunyai potensi besar untuk dijadikan sumber pendapatan dan mewujudkan peluang pekerjaan terutama kepada masyarakat luar bandar.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, perusahaan spesies ikan berkenaan atau nama saintifiknya *chanos chanos* juga sesuai dijalankan secara penternakan kontrak yang turut berupaya menyediakan peluang pelaburan dan perniagaan.

“Kerajaan melalui MOA (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani) akan sentiasa beri segala kemudahan khidmat nasihat dengan kepar-karan kita daripada Jabatan Perikanan,” katanya pada sidang media selepas melancarkan promosi ikan tersebut di Syarikat Usaha Fadzilat (M) Sdn Bhd

di sini semalam.

Syarikat berkenaan ialah syarikat pertama di Semenanjung yang berjaya menternak ikan susu di kawasan seluas kira-kira 80 hektar di Batu Lintang dekat sini sejak 2017.

Salahuddin berkata, kementerian amat menggalakkan pengusaha terutama golongan muda mengambil peluang mencebur perusahaan ikan berkenaan yang bukan sahaja mudah dari segi cara penjagaannya dan tidak memerlukan kos yang tinggi, malah juga mempunyai permintaan amat baik dalam pasaran.

“Syarikat Usaha Fadzilat ini boleh jadi sebagai peneraju untuk perusahaan ikan susu dan saya mengharapkan pihak syarikat juga tidak keberatan untuk membimbang sekiranya ada pengusaha lain yang berminat,” kata-nya. - Bernama